

♥PENANG

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

16 - 30 SEPTEMBER, 2024

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Projek Kereta Kabel Bukit Bendera lancar

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & PHC**

**PERBADANAN** Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) kini sedang giat melaksanakan kerja-kerja penambunan tanah dan pemasangan struktur binaan sementara di tapak projek kereta kabel Bukit Bendera.

Pengurus Besar PHC, **DATO' CHEOK LAY LENG** ketika ditemui dalam temu bual eksklusif bersama-sama Buletin Mutiara pada 19 Ogos lalu berkata, kerja-kerja tanah di *'Garden Station'* dan *'Hill Station'* berjalan lancar dan telah siap sepenuhnya.

"Kini hanya tinggal di tapak gelung pembelokan serta di kawasan pembangunan kompleks komersial dan parkir berdekatan Jabatan Taman Botani (Pulau Pinang, Jalan Kebun Bunga).

"Walaupun kerja-kerja tanah secara keseluruhan telah mencapai 87 peratus dan pemasangan papan tanda juga secara teknikalnya telah siap, tetapi pihak kami (PHC) dalam perancangan untuk menambah paparan grafik.

"Paparan grafik ini akan memberi gambaran kepada umum mengenai projek kereta kabel termasuk lakaran artis (yang menunjukkan rupa fizikal projek berkaitan)," ujarnya.



DATO' Cheok Lay Leng.

Menurut Lay Leng, pihaknya menjangkakan berlaku sedikit kelewatan berikutan pemindahan sementara penjaja di Kompleks Penjaja sedia ada ke lokasi bersebelahan Jabatan Taman Botani.

"Kompleks Penjaja yang ada sekarang ini adalah tapak untuk pembangunan kompleks komersial dan parkir bertingkat yang bakal mempunyai lebih banyak kemudahan moden.

"Kerja-kerja tanah di bahagian belakang Kompleks Penjaja sepanjang jajaran sungai juga telah siap, cuma tinggal di kawasan kompleks terbabit sahaja.

"Pihak kami menjangkakan pemindahan penjaja akan bermula pada pertengahan bulan September 2024 yang mana pusat penjaja sementara pula (dijangka) beroperasi pada 1 Oktober nanti.

"Setelah kompleks komersial siap, penjaja akan dapat kembali berniaga di tapak sama," katanya.



ILUSTRASI projek Kereta Kabel Bukit Bendera yang dirancang.

Pada masa sama, Lay Leng menyatakan bahawa kerja-kerja utama lain seperti pemasangan pilon *(pylon)*, peralatan kereta kabel, kerja-kerja landskap dan laluan pejalan kaki dari kompleks komersial ke *'Garden Station'* telah dijadualkan.

"Pihak kami juga dalam perancangan untuk memantapkan penyampaian maklumat kepada orang ramai, khasnya pihak-pihak berkepentingan seperti penduduk yang tinggal di kawasan sekitar Taman Botani dan penduduk di Bukit Bendera yang menggunakan trek bersebelahan Taman Botani.

"Banyak perkara yang dijangka akan berlaku sepanjang pelaksanaan projek ini, jadi PHC mahu orang ramai tahu dan ambil maklum mengenainya.

"Sebagai contoh, laluan alternatif yang boleh digunakan memandangkan kawasan projek merupakan kawasan aktif pembinaan, lencongan jalan, kaedah pembinaan dan lain-lain informasi perlu.

"Lagipun kawasan di laluan projek tersebut turut mempunyai kuil dan tokong, sekolah serta Taman Bandaraya yang mana setiap hari menerima jumlah pengunjung yang ramai.

"Malah, PHC juga merancang untuk mengehadkan pengangkutan bahan binaan pada satu-satu masa ke kawasan pembinaan untuk memastikan keselamatan orang awam sentiasa diberikan keutamaan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Lay Leng memberitahu bahawa Taman Botani Pulau Pinang akan dibuka kepada orang ramai sepanjang tempoh pembinaan yang dijangka siap menjelang Jun 2026.

"Pada masa ini, pengunjung ke Taman Botani Pulau Pinang digalakkan meletakkan kenderaan di tempat letak kereta Taman Bandaraya atau berdekatan Kuil Arulmigu Balathandayuthapani.

"PHC akan terus bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam mencari penyelesaian menyediakan lebih banyak ruang parkir bagi kemudahan pengunjung terutama pada hujung minggu dan cuti umum," ulasnya lanjut.

*(Sambungan di muka 4).*

# Pusat Pendidikan Al-Itqan

## bina generasi berilmu, beramal dan bertakwa

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**LAPAN** tahun penantian, kini empat blok bangunan lima tingkat Pusat Pendidikan Al-Itqan Pulau Pinang dekat Kampung Masjid 1, Teluk Kumbar menjadi satu lagi mercu tanda pembangunan tanah wakaf di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri I, **DATO' DR. MOHAMAD ABDUL HAMID** yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berkata demikian semasa merasmikan pengoperasian institusi pendidikan swasta tersebut di sini pada 19 Ogos 2024.

"Paling penting, pembinaannya (Pusat Pendidikan Al-Itqan Pulau Pinang) di atas tanah wakaf.

"Maka selepas ini, segala pembinaan tanah wakaf akan menjadikan sekolah ini institusi pendidikan berasaskan kepada wakaf sepenuhnya... kerana asas pembinaan sekolah ini adalah di atas tanah wakaf," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Agama Islam, Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Perpaduan Masyarakat dalam majlis berkenaan.

> **"Walaupun (Pusat Pendidikan Al-Itqan Pulau Pinang) ini adalah satu institusi pendidikan swasta, kita menyokong usaha Kementerian (KPM) dan negara untuk membina generasi berilmu, beramal serta bertakwa."**
>
> **- DR. AIDIAHMAD DEWA.**

Ditubuhkan pada tahun 1998, pusat pendidikan tersebut dikenali sebagai Sekolah Rendah Islam Al-Islah dengan kapasiti 70 pelajar dan enam guru.

Sedekad kemudian iaitu pada tahun 2008, ia ditukar nama kepada Sekolah Rendah Islam Al-Itqan serta didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran (KPM).

Pada tahun 2015, ditubuhkan pula Tadika Pintar Al-Itqan yang mana rancangan pembinaan empat blok baharu bangunan sekolah berkaitan dibiayai oleh Kerajaan Negeri hari ini.

Pada tahun 2018, Taska Pintar Al-Itqan ditubuhkan yang mana pada waktu itu, Sekolah Menengah Islam Al-Itqan berpindah ke bangunan sementara dekat Sungai Ara bagi mengosongkan tapak pembinaan projek sekolah dirancang.



DR. Mohamad Abdul Hamid (barisan hadapan, dua dari kiri) sambil diperhatikan oleh Azrul Mahathir Aziz (kiri sekali) menandatangani plak perasmian pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Bermula pada bulan Mac 2024, Pusat Pendidikan Al-Itqan Pulau Pinang beroperasi di bangunan baru yang ketika ini menempatkan seramai 509 pelajar, guru (60) dan kakitangan sokongan (18).

Menyorot sejarah perkembangan Pusat Pendidikan Al-Itqan Pulau Pinang tersebut, Mohamad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung memberitahu bahawa empat bangunan sekolah bernilai kira-kira RM15 juta berkaitan adalah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri bagi memartabatkan pendidikan Islam yang melibatkan kepentingan generasi Bumiputera serta Melayu Pulau Pinang pada masa akan datang.

"Proses pembinaan institusi pendidikan itu tidak boleh dalam sehari.

"(Seperti rancangan pembinaan Pusat Pendidikan Al-Itqan Pulau Pinang yang memakan masa kira-kira lapan tahun), jadi bagaimana kita nak mempercepatkan proses pembangunan wakaf di atas tanah-tanah wakaf sedia ada di negeri ini.

"Sebab itu, kuasa politik itu penting untuk orang Melayu (yang mana) kita perlu menghantar semaksimum mungkin ADUN-ADUN Melayu dalam Kerajaan Negeri hari ini sebenarnya," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada keluarga pemberi wakaf tanah seluas kira-kira tiga ekar untuk projek pembinaan bangunan sekolah agama tersebut.

Sebelum itu, Pengerusi Jemaah Pengurusan Sekolah Pusat Pendidikan Al-Itqan Pulau Pinang, **DR. AIDIAHMAD DEWA** memberitahu bahawa ketika ini, institusi pendidikan swasta yang bernaung di bawah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM) tersebut menyediakan pendidikan seawal usia dua tahun hingga 17 tahun di taman asuhan kanak-kanak (taska), taman didikan kanak-kanak (tadika), sekolah rendah Islam (SRI) dan sekolah menengah Islam (SMI).



DR. Aidiahmad Dewa.

"Saya ini boleh dikatakan generasi baharu yang mana di sebalik projek wakaf bagi mewujudkan bangunan sekolah ini sebenarnya melibatkan begitu ramai pihak.

"Tiada kata-kata yang boleh saya ungkapkan melainkan ucapan alhamdulillah.

"Walaupun (Pusat Pendidikan Al-Itqan Pulau Pinang) ini adalah satu institusi pendidikan swasta, kita menyokong usaha Kementerian (KPM) dan negara untuk membina generasi berilmu, beramal serta bertakwa.

"Dengan sokongan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan komuniti setempat, insyaAllah kita akan berusaha mencapai tahap kemenjadian murid mengikut silibus pendidikan kebangsaan," ulasnya.

Turut serta, ADUN Bayan Lepas merangkap Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Azrul Mahathir Aziz; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Marzuki Hassan; Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan mantan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

# Inisiatif baharu Program Anak Emas tingkat kesedaran menabung awal usia

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah menambah baik pelaksanaan Program Anak Emas yang mana sebelum ini bantuan secara *one-off* berjumlah RM200 dibayar kepada bayi yang berusia 2 tahun dan ke bawah.

Melalui kerjasama strategik berkaitan, berkuat kuasa 15 Januari 2024, bayaran RM100 akan disalurkan ke akaun bank yang layak dan RM100 lagi dalam bentuk simpanan iaitu Simpan SSPN Prime.

Menurut Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam, Lim Siew Khim, sebanyak 2,162 akaun telah dibuka dalam tempoh antara 15 Januari sehingga 30 Jun 2024.

"Ini adalah keprihatinan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang literasi kewangan selain sebagai tanda penghargaan kepada penerima.

"Malah, melalui inisiatif ini, diharap dapat meningkatkan amalan menabung dari awal usia agar anak-anak tidak hanya akan bergantung pada pinjaman untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kelak," ujarnya usai majlis pelancaran berkaitan di sini pada 3 Ogos lalu.

Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim ketika ditemui pada majlis sama turut berharap agar inisiatif murni ini disambut baik oleh seluruh rakyat Pulau Pinang demi pembangunan anak bangsa selari moto PTPTN iaitu 'Peluang Kejayaan Anda'.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara cuba mendapatkan pandangan umum berhubung inisiatif terbaharu ini.

Bagi **MUSTAQIN ALPI**, 41, beliau memuji usaha sama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PTPTN dalam menambah baik program berkaitan.

"Penambahbaikan ini adalah satu langkah yang baik dan amat positif.

"Walaupun jumlah amaun tunai yang diterima dikurangkan, namun sebahagian lain dimasukkan ke dalam akaun simpanan Simpan SSPN Prime.

"Langkah ini dapat membantu meringankan beban kewangan semasa ibu bapa selain menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam membentuk asas pendidikan yang kukuh untuk anak-anak pada masa hadapan.

"Lagipun, ia membantu ibu bapa memulakan perancangan pendidikan sekali gus menyemai tabiat menabung bermula dari awal dan pada masa sama kesedaran terhadap kepentingan simpanan untuk pendidikan juga dapat ditingkatkan.

"Semua ini selaras dengan Visi Penang2030 dalam membangunkan modal insan yang berkualiti dan seimbang agar dapat kembali berkhidmat untuk negeri kita kelak," ujar bapa kepada empat cahaya mata itu.

Begitu juga **M. KOGILAVANI**, 38, yang gembira apabila Program Anak Emas ditambah nilai dengan mementingkan aspek pendidikan anak-anak pada masa hadapan.

"Menabung dari awal usia adalah sangat penting seperti yang dimaklumkan oleh Exco tadi, (yang mana) kita tidak perlu berharap untuk mendapatkan pinjaman pendidikan sahaja.

"(Melalui) inisiatif ini, akan membuka mata ibu bapa tentang pentingnya memulakan tabung untuk pendidikan anak pada masa depan terutama ketika melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi," kata ibu kepada empat orang cahaya mata ini.

Pembantu Tadbir berusia 28 tahun, **S. PAWITRA** berkata, melalui Simpan SSPN Prime ini akan membantu dalam aspek pendidikan anak-anak di institusi pengajian tinggi kelak.

"Jika sebulan ibu bapa boleh simpan RM50, sekurang-kurangnya apabila anak-anak mencapai usia 18 tahun akan ada RM15,000 (dalam akaun).



MUSTAQIN Alpi bersama-sama isteri dan empat anaknya.




(Dari kiri); B. Keshni Devi, Siti Hajar Azudin dan Ng Yig Meei bersama anak masing-masing pada Majlis Pelancaran Program Anak Emas di Bukit Mertajam baru-baru ini.



M. Kogilavani.



S. Pawitra.

"(Dan) sebagai ibu bapa muda seperti saya, wajar guna peluang ini untuk memulakan amalan menabung untuk anak-anak, tak rugi mengurus kewangan dari mula lahir," katanya.

**SITI HAJAR AZUDIN**, 28, memberitahu bahawa beliau mengetahui tentang Program Anak Emas ini daripada ahli keluarga dan memuji inisiatif strategik yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Anak saya sekarang berusia setahun dan saya sangat gembira kerana kini saya boleh mula menabung untuk pendidikannya sejak kecil.

"Banyak faedah ditawarkan dalam program ini dan ini adalah peluang untuk para ibu bapa mula menabung dan bukannya tunggu kemudian harian," jelasnya ketika ditemui pada majlis pelancaran berkaitan pada 3 Ogos lalu di Mydin Mall Bukit Mertajam.

Nada hampir sama disuarakan oleh **B. KESHNI DEVI**, 29.

Menurut beliau, melalui Program Anak Emas tersebut, beliau sudah boleh merancang perbelanjaan pendidikan anaknya apabila mencapai usia 19 tahun kelak.

"Anak saya kini berusia 15 bulan, dan apabila dia berusia 19 tahun sudah ada sejumlah wang yang boleh digunakan untuk membantu yuran pengajiannya.

"(Melalui) cara ini, ibu bapa tidak perlu lagi bimbang untuk menyediakan perbelanjaan besar atau memohon pinjaman pendidikan mahupun mendapatkan biasiswa (untuk anak-anak).

"Selain itu, saya juga telah berkongsi inisiatif ini dengan rakan-rakan dan ahli keluarga, saya harap mereka juga dapat mengambil peluang ini untuk manfaat masa depan anak-anak mereka nanti," ujarnya.

Bagi **NG YIG MEEI**, 25, program yang ditambah baik ini amat bagus dalam memupuk budaya menabung untuk pendidikan anak-anak pada masa hadapan.

"Program ini amat bagus yang mana ia memupuk budaya menabung untuk pendidikan anak-anak walaupun baru berusia satu hari," katanya.

Maklumat lanjut, sila layari *https://isejahtera.penang.gov.my/*.

# Mahu tabur bakti di negeri sendiri




RAKAMAN gambar graduasi Wan Nur Adlina Wan Halim di *University of Manchester*.

**MENJADI** pelajar cemerlang di bumi Eropah bukanlah suatu perkara mudah, kerana ia menuntut kesungguhan serta usaha yang kuat dan gigih.

Namun perkara tersebut berjaya digapai oleh figura kelahiran Sungai Nibong, Pulau Pinang, **WAN NUR ADLINA WAN HALIM**, 24, pelajar cemerlang Ijazah Sarjana (Master) Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, *University of Manchester*, United Kingdom.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** sempat bertemu Wan Nur Adlina yang baru tiba di tanah air setelah selesai majlis graduasi di Manchester.

Berkelana selama empat tahun di sana, Wan Nur Adlina mencapai kecemerlangan dek minat yang begitu mendalam terhadap bidang elektrik dan elektronik.

"Saya baru menamatkan pengajian pada Julai lalu, dengan skor 82/100 Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) daripada tahun satu hingga empat.

"Keputusan tersebut melayakkan saya menjadi pelajar kedua terbaik dalam *'batch'* saya," ujarnya memulakan bicara ketika ditemui pada 9 Ogos lalu.

Mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan (SK) Convent Green Lane, Wan Nur Adlina memberitahu bahawa minat dalam bidang kejuruteraan elektrik itu hadir ketika beliau berada pada Tingkatan 4 di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping.

"Ketika itu, saya berjaya memperoleh pingat gangsa dalam pertandingan I-SWEEEP yang diadakan di Texas, Amerika Syarikat.

"Projek yang diketengahkan adalah *'magnetic generator'* yang menggunakan magnet sebagai penghasilan tenaga elektrik yang juga disifatkan sebagai peranti tenaga hijau.

"Jadi dari situ datangnya minat saya apabila saya berjaya memenangi pingat gangsa dalam pertandingan tersebut.

"Saya tidak perlu membawa peralatan tersebut ke Texas, sebaliknya saya cuma perlu bentangkan kepada juri dan menerangkan konsep *'magnetic generator'* itu," jelasnya yang juga cemerlang dalam keputusan A Level.

Mengulas mengenai cabaran di *University of Manchester*, Wan Nur Adlina menyatakan bahawa beliau masih terkenang ketika menjejak kaki ke sana.

"Waktu itu, satu dunia masih dilanda pandemik COVID-19 dan cuma belajar secara dalam talian yang agak membosankan kerana tidak dapat bertemu kenalan serta rakan kelas secara fizikal.

"Masuk semester kedua kami dikehendaki mencipta *'buggy'*, dari situ pelbagai kemahiran perlu dipraktikkan seperti *'coding'*, sensor dan sebagainya menjadikan saya lebih berminat dalam bidang ini.

"Masuk semester tiga ada projek individu sebelum menamatkan tahun keempat pengajian dalam peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.

"Antara yang boleh saya kongsi untuk berjaya adalah fokus dalam kelas itu sendiri, kalau tidak faham kita tanya, atau e-mel kepada pensyarah tersebut, selain itu bincang bersama kawan-kawan lain, tidak ada jalan pintas," cerita pelajar yang mendapat penajaan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) berkaitan.

Kini, Wan Nur Adlina giat mencari peluang pekerjaan dalam bidang kejuruteraan terutamanya di syarikat-syarikat multinasional.

Tanpa berselindung, gadis kecil ini sememangnya mahu menabur bakti di Pulau Pinang.

"Kalau boleh memang nak kerja di Pulau Pinang sebab dekat dengan keluarga, tetapi kalau ada peluang di luar Pulau Pinang yang bersesuaian mungkin tidak akan menolak.

"Cukuplah empat tahun di luar negara, masa untuk menabur bakti di tempat sendiri pula," ulas anak ketiga daripada beradik itu.

Dua lagi kakaknya turut cemerlang dalam bidang perubatan dan kejuruteraan perisian.

Ditanya mengenai situasi *'brain drain'*, Wan Nur Adlina mengakui faham tentang mengapa isu tersebut berlaku dan tidak menyalahkan mana-mana pihak.

"Saya faham tentang kelebihan yang akan kita terima sekiranya bekerja di luar negara terutamanya di Eropah.

"Sistem pengajian yang lebih baik, *'work life balance'* dan macam-macam lagi, cuma apa yang mereka (Eropah) tidak boleh lawan adalah makanan, bab makan kita menang," selorohnya.

Sebelum menutup bicara, Wan Nur Adlina sempat menitipkan beberapa pesanan dalam menggapai kecemerlangan termasuk menarik minat pelajar dalam bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik).

"Buat yang terbaik dalam apa sahaja bidang yang kita lakukan, sebab apabila kita buat yang terbaik, kita tidak akan menyesal dengan hasilnya dan 'boleh tidur dengan lena'.

"Bagi menarik minat pelajar memasuki bidang STEM, pihak berwajib perlu lebihkan hal berkaitan praktikal, kerana praktikal akan bantu pelajar lebih faham dan minat berbanding teori semata-mata," ujarnya.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Alternatif ke puncak

Sebelum ini, Buletin Mutiara pernah melaporkan bahawa pusat peranginan Bukit Bendera bakal menyediakan perkhidmatan kereta kabel sebagai alternatif ke puncak.

Projek yang bernilai RM245 juta itu bakal mempunyai jajaran kereta kabel sepanjang 2.73 kilometer bermula di Taman Botani Pulau Pinang dan berakhir di puncak Bukit Bendera, di bahagian belakang Balai Polis Bukit Bendera.

Projek ini mempunyai tiga buah stesen iaitu Stesen Taman *(Garden Station)*, Gelung Belokan *(Turn Station)* dan Stesen Bukit *(Hill Station)* yang akan dilengkapi dengan 50 gondola lapan tempat duduk dengan masa perjalanan kurang dari 10 minit.



KERJA-KERJA di kawasan tepi Kompleks Penjaja juga giat dijalankan.

Kerajaan Negeri melalui PHC selaku pemilik projek turut bekerjasama dengan syarikat Hartasuma Sdn. Bhd. yang merupakan perintis dalam industri rel di Malaysia, melalui perkongsian awam-swasta atas asas reka bentuk, kewangan, bina, kendali dan pemindahan (DFBOT).

Bagi melancarkan ketersambungan, syarikat Hartasuma sebelum ini mengumumkan untuk memperkenalkan perkhidmatan bas elektrik yang menghubungkan stesen kereta kabel di Taman Botani dengan stesen funikular sedia ada kini bagi mewujudkan kitaran transit bersepadu.

Bercakap mengenai kehadiran pengunjung ke Bukit Bendera, Lay Leng berkata, sepanjang bulan Julai dan Ogos 2024, secara purata menerima 4,000 pengunjung setiap hari pada hari bekerja.



KERJA-KERJA awalan yang telah disiapkan berdekatan kawasan sungai.

"Jumlah tersebut meningkat kepada hampir 7,000 pengunjung setiap kali hujung minggu walaupun terdapat trend kebelakangan ini yang menunjukkan pengunjung mula merancang perjalanan (untuk ke puncak).

"Kita dapat lihat orang ramai yang bercuti lebih lama di Pulau Pinang akan memilih hari bekerja untuk berkunjung ke sini dan ini adalah lebih baik terutama dalam memastikan sistem (funikular) beroperasi tanpa banyak masalah.

"PHC juga lebih kerap mengadakan pemantauan dan kerja-kerja penyelenggaraan sama ada secara harian, mingguan atau bulanan, manakala jurutera dari Switzerland pula akan datang dua kali setahun untuk selenggara koc funikular.

"Ini adalah penting untuk mengekalkan jaminan perkhidmatan funikular tanpa melibatkan pihak ketiga dalam penyelenggaraan yang mungkin akan membawa kepada isu lebih besar jika ia gagal beroperasi," katanya.

# Ammar, perunding dan pedagang barang antik



AMMAR Syed Jamaludin menunjukkan sebahagian koleksinya.

**GENERASI** muda yang berusia belasan tahun pada hari ini ramai obses dengan dunia media massa.

Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), bidang kecerdasan buatan (AI) selari dengan era pendigitalan yang kian berkembang di negara ini yang menjadi pilihan utama.

Namun, bagi **AMMAR SYED JAMALUDIN**, 18, beliau ingin menjadi seorang perunding dan pedagang barang-barang antik yang berjaya.

Belum tamat pengajian di bangku sekolah menengah lagi, percaya tidak percaya beliau telah mempunyai kedai menjual barang-barang langka sendiri.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berkesempatan menemu bual remaja berkenaan di *The Gallerist Company* dekat lot rumah kedai No. 50A, Jalan Kedah, George Town pada 5 Ogos lalu.

"Saya pun tidak sangka akan menjadi pengumpul (barang-barang langka) yang mana semasa kecil, dalam usia 12 atau 13 tahun, kesukaan saya adalah pada seni bina tinggalan sejarah era kolonial British.

"Didapati, seni bina era kolonial ini banyak yang ditukar guna menjadi muzium, dari situlah mendorong saya untuk meneroka seni bina berkaitan.

"Masih dalam ingatan, muzium negeri pertama yang saya masuk adalah Muzium Taiping (Perak), saya dapat melihat barang-barang pameran seperti anyaman dan sulaman yang merupakan barang-barang yang saya sendiri ada di rumah ditinggalkan oleh moyang saya.

"Dari situ, saya mula menghargai barang-barang (langka) ini, dan ibu saya juga pernah bekerja di Sabah, beliau pun ada koleksi-koleksi yang jarang ditemukan seperti anyaman-anyaman yang juga diletakkan di muzium negeri.

"Dari situ, bertambah lagi perasaan untuk menghargai (barang-barang langka) yang terdapat di rumah saya dan pada masa sama, saya mula menambah koleksi peribadi saya di rumah.

"Di Pulau Pinang umpamanya, sebenarnya kaya dengan barang-barang antik peranakan Baba Nyonya, dan sejak berusia 13 tahun, saya mula jelajah untuk lihat barang-barang antik di negeri ini," jelasnya dalam nada sederhana.

Selain petah bercakap Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Ammar belajar dan mampu bertutur dalam Bahasa Mandarin.

Kelebihan belajar dan boleh berkomunikasi dalam tiga bahasa itu, menurut beliau, menjadi satu kelebihan untuk berunding dengan para pengumpul serta penjual barang-barang langka tempatan mahupun di luar negara.

"Saya bertuah kerana boleh bercakap Bahasa Mandarin dan semua tauke kedai antik melihat saya berbeza dan senang dapat barang antik pada harga 'istimewa'.

"Kebanyakan barang yang mereka jual adalah ukiran Baba Nyonya yang mana masih saya ingat pada usia 13 tahun, pernah saya beli satu kotak besar bongkah-bongkah ukiran antik.

"Perabot-perabot antik tinggalan era kolonial dan fabrik antik, saya memang mula kumpul semasa usia itu hingga sekarang.

"Walaupun macam-macam jenis barang antik saya kumpul, paling saya suka adalah barang antik peranakan Baba Nyonya," ujarnya.

Walaupun obses dalam bidang perniagaan barang-barang langka, Ammar memberitahu bahawa komitmen untuk melanjutkan pengajian tidak pernah diabaikan.

Beliau menyatakan bahawa akan melanjutkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan juga, kerana mengambil kira komitmen untuk belajar sambil menguruskan perniagaannya yang baru berusia lebih setahun itu.

"Emak memberi syarat, jika nak buka kedai barang-barang langka, perlu melanjutkan pengajian selepas SPM," selorohnya sambil memberitahu bahawa beliau bersetuju dengan opsyen tersebut.

Bercerita lanjut, Ammar berkata bahawa ibunya paling banyak menyokong di sebalik usaha membuka kedai barang-barang antik.

Ketika ini, walaupun tidak banyak barang untuk memenuhi ruang lantai kedai, Ammar memberitahu bahawa beliau mempunyai beberapa koleksi terhad yang jarang ditemukan antaranya patung tinggalan era Majapahit, dipercayai pada abad ke-11 hingga abad ke-13.

"Barang-barang di kedai ini ada yang dikumpul daripada pengumpul tempatan, dan ada juga saya import dari beberapa negara termasuk (Republik Rakyat) China, Singapura. London dan Jepun.

*(Sambungan di muka 6).*





RUANG pameran *The Gallerist Company* di Jalan Kedah.



(Sambungan dari muka 5).

# Sokongan ibu, besarkan perniagaan

"Saya berasa bertuah kerana berjumpa dengan beberapa orang yang saya anggap sebagai 'mentor' untuk membekalkan barang-barang antik juga untuk muzium bukan kerajaan, pengumpul barang-barang antik, pihak kedutaan tertentu serta hotel-hotel tertentu termasuk di negeri ini.

"Kebanyakan pengumpul barang-barang langka ini akan saling berkongsi koleksi masing-masing, dan mempunyai kumpulan sasar yang berbeza.

"Contohnya, ada sesetengah mengumpulkan barang-barang langka berkaitan peranakan, manakala yang lain fabrik atau barang-barang kolonial... jadi tiada persaingan.

"Macam saya, 'rojak' iaitu ada pelbagai barang antik jenis perabot, kayu kayan, ukiran, fabrik, salinan bercetak terhad, aksesori rumah dan sebagainya," ulasnya.

Bercakap mengenai negeri Pulau Pinang yang ada George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO, Ammar berkata bahawa status pengiktirafan itu antara sebab beliau memilih untuk membuka kedai di luar sedikit dari kawasan pelingkungan yang digazetkan.

"Kalau nak kira permintaan (pada barang-barang antik atau langka), sebenarnya di Kuala Lumpur, juga di Melaka yang merupakan Tapak Warisan Dunia UNESCO... jalan 30 langkah jumpa satu kedai barang antik dan sebagainya.

"Di Pulau Pinang, walaupun George Town adalah Tapak Warisan Dunia UNESCO... kedai yang menjualkan barang-barang antik tidak sebanyak di Kuala Lumpur atau Melaka.

"Saya buka kedai ini pada tahun lepas, selepas tamat sekolah menengah iaitu bulan November tamat sekolah, pada bulan September atau Oktober saya dah mula cari kedai serta tandatangan sewa bangunan," ujarnya.

Walaupun saingan tidak sengit dalam sektor penjualan barang-barang langka di negeri Pulau Pinang, Ammar menyatakan bahawa perniagaan yang diceburinya secara serius tersebut tetap mempunyai cabaran tersendiri.

"Cabaran terbesar adalah nak bayar sewa bangunan sebab kita baru mula.

"Memang gigih juga dua bulan pertama yang mana barang nak beli senantiasa ada, barang nak jual itu tak banyak.

"Contohnya, barang antik kalau nak bawa masuk dari Singapura, cukai itu dan ini agak tinggi, jangan buat main-main. Ini, satu lagi cabaran.

"Koleksi barang-barang peranakan Baba Nyonya, sumber saya banyak dari negara Thailand...saya kenal beberapa pengumpul barang-barang langka di Bangkok," ceritanya.

Mengakhiri bicara, beliau merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow serta Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai yang sehingga kini gigih menambah nilai pada sektor pelancongan negeri ini.

Di samping itu, Ammar berkata bahawa beliau bertuah kerana segala harapannya mahu mengembangkan bidang perniagaan berkaitan barang-barang antik atau langka, senantiasa mendapat sokongan daripada ibunya.

"Dorongan, memang daripada mak, tetapi mak tak kumpul barang-barang antik Baba Nyonya, beliau lebih suka barang-barang langka berasaskan kayu.

"Saya memang ada rancangan untuk memperbesarkan perniagaan yang sedang saya buat ini.

"Sudah pasti saya juga berminat untuk belajar lebih mendalam dan meluas berkaitan bidang perniagaan yang sedang saya buat ini, sebagai penjual barang-barang antik.



**PATUNG tinggalan era Majapahit antara koleksi langka yang terdapat di *The Gallerist*.**

"Saya juga berharap pada suatu hari nanti, saya dapat ambil bahagian untuk mengadakan sesi pendidikan dengan mereka yang berminat dalam bidang ini," kongsinya.





PARAMOUNT palmera
INDUSTRIAL PARK @ BUKIT MINYAK

## Peluang Pelaburan Berpotensi Tinggi

Lokasi strategik berhampiran lebuh raya utama dan ciri-ciri cemerlang Paramount Palmera menjadikan unit industri ringan ini sebagai tawaran yang hebat! Jangan lepaskan unit terhad ini. Hubungi kita sekarang!

- Ketinggian ruang gudang sehingga 9m
- Ruang muatan depan sehingga 4.8m
- Had muatan sehingga 1 tan/m2
- Pintu masuk yang lebar dan ruang papan tanda yang luas
- Pegangan bebas

FREEHOLD

Paramount Property Gallery @ Utropolis Batu Kawan
Paramount Holdings Sdn Bhd 200201016876 (584539-D)
G-01, Utropolis Utama, Persiaran Cassia Barat 3,
14110 Bandar Cassia, Pulau Pinang, Malaysia.

012 501 0733
paramountproperty.my

PARAMOUNT PROPERTY
The People's Developer™

# ‘Menyingkap Persona Asli Pulau Pinang’ jana imaginasi melalui lukisan

**BAKAT** melukis yang ada pada **DATO’ SERI AR. ROSLI JAAFAR** sebenarnya kian menyerlah semasa beliau masih menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) lagi.

Bersama-sama seorang pelukis sepenuh masa, Shaparel Salleh, Rosli pernah mengadakan Pameran Seni Amal *‘Essence of Penang’* di *The Art Room*, Straits Quay pada bulan Ogos 2015.

Sungguhpun dihambat dengan tugas hakiki sebagai arkitek bertauliah di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri, Rosli dan rakannya berkasad untuk menyalurkan separuh daripada hasil jualan amal lukisan mereka kepada institusi-institusi pendidikan kanak-kanak istimewa seperti Sekolah Sinar Harapan di Bukit Mertajam dan Pusat Kanak-kanak Kurang Upaya dekat Jalan Grove.

Bermula pada 5 hingga 25 Ogos 2024, Rosli sekali lagi mengadakan pameran amal, kali ini secara solo di Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang dekat Dewan Sri Pinang, dengan tema ‘Menyingkap Persona Asli Pulau Pinang’.

Wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT** berpeluang menemu bual Rosli berhubung tema pameran amal kali yang kedua ini.

“Sebenarnya, saya mula (tema pameran amal pada kali) ini dengan versi Bahasa Inggeris, *‘Reminiscences of Penang Unfiltered Charm’*, kemudian baru diterjemahkan dalam bahasa Melayu iaitu ‘Menyingkap Persona Asli Pulau Pinang’.



AR. Rosli Jaafar.

“Perkataan ‘menyingkap’ ini bukan perkataan biasa yang digunakan dalam Bahasa Melayu.

“Apabila saya melakukan aktiviti melukis, saya akan didorong melakukan perkara yang saya suka dan minat.

“Sebagai arkitek bertauliah, apabila melukis pelan berkaitan perbandaran, landskap, budaya dan sebagainya, ia sangat dekat dengan minat asal saya untuk melukis.

“Macam di Pulau Pinang, ada begitu kaya dengan tempat-tempat menarik contohnya, Bukit Bendera, jalan-jalan sekitar bandar raya George Town ataupun suasana kampung… begitu banyak pemandangan saya nikmati semasa jerayawara serta ini, mendorong saya untuk melukis mengenai keaslian rupa pembangunan negeri ini.

“Apa yang kita dapat lihat sekarang sebenarnya adalah warisan tinggalan pada kurun lepas, yang mana sebahagiannya telah musnah dek Perang Dunia Kedua, jadi saya cuba menjana imiginasi dengan melukis kembali rupa bandar berdasarkan hasil tinggalan yang masih ada di sekitar Lebuh Armenia.

“Ini, antara 45 lukisan dipamerkan (yang mana) bagi saya lukisan adalah suatu bahasa untuk saya sampaikan mesej mengenai pesona asli Pulau Pinang,” jelasnya.

Pameran kali ini lebih menarik kerana bukan sahaja terdapat lukisan mengenai fakad bangunan-bangunan tinggalan warisan ketara peranakan Cina.

Malah, Rosli menyatakan bahawa para pengunjung turut berpeluang melihat lukisan-lukisan beberapa destinasi terpilih yang menjadi lambang tarikan negeri Pulau Pinang.

“Setiap lukisan ada cerita yang mahu disampaikan kepada semua, (dan) inilah cara saya menyingkapkan pesona asli Pulau Pinang.

“Jika dilihat lukisan-lukisan ini, ada menyingkapkan keindahan pemandangan dari atas Bukit Bendera.



PEMANDANGAN yang menyingkap pesona asli Pulau Pinang.

“Dari lukisan ini, diinterpretasikan gambaran keaslian sebenar George Town.

“Sebab itu, kalau dilihat pada hasil lukisan saya, memang tiada bangunan-bangunan baharu, semuanya bangunan lama atau tempat-tempat yang menjadi simbol negeri…contohnya, jeti.

“Ada juga gambar asal dari fotograf, dari gambar itu saya cuba menghasilkan lukisan separa abstrak,” ujarnya.

Selain lukisan berkaitan simbol tarikan yang terdapat di bahagian pulau, dalam pameran kali ini, Rosli memberitahu bahawa beliau turut mempamerkan beberapa lukisan mengenai tanah besar Seberang Perai.

“Selain destinasi menarik di bahagian pulau, saya juga melukis sesuatu yang berkaitan tanah besar Seberang Perai… seperti Batu Kawan dengan adanya pokok bakau, kawasan nelayan di Penaga dan sebagainya,” ulasnya.

Bukan setakat itu sahaja, Rosli menyatakan bahawa pada kali ini, beliau turut memuatkan beberapa koleksi terhad, unik dan lukisan abstrak.

“Sebagai arkitek bertauliah, kita boleh mereka bentuk binaan apa juga bangunan termasuk menara tertinggi… contoh sehingga hari ini Menara Berkembar (Petronas) adalah 'menara berkembar paling tinggi' di dunia.

“Tetapi, apabila telah ada satu mercu tanda tarikan (iaitu bangunan tertinggi), kemudian dibina beberapa lagi bangunan lebih tinggi di situ, bagi saya secara peribadi ia melambangkan ego.

“Jadi, dalam salah satu lukisan mengenai beberapa bangunan tinggi dibina di kawasan perbandaran yang ada, saya namakan lukisan ini sebagai *‘Big Ego’*.

*(Sambungan di muka 14).*



ANTARA lukisan yang dipamerkan.

# Kairos Agriculture terajui sistem ladang pintar vanila



BIJI vanila yang turut memperoleh permintaan.


PERKHIDMATAN pelancongan pertanian yang kian berkembang.


JOSEPH Chan menunjukkan hasil tanaman vanila yang diusahakannya.

**DITUBUHKAN** pada tahun 2020, perladangan pintar *Kairos Agriculture* telah mengeluarkan pelbagai produk berkualiti yang berasaskan vanila.

Terletak di Penanti dekat daerah Seberang Perai Tengah (SPT), wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berpeluang untuk berkunjung ke ladang pintar firma komersial tersebut.

Menurut Ketua Pegawai Operasi Kairos Agriculture, **JOSEPH CHAN**, ladang vanila tersebut merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini menggunakan sistem ladang pintar.

"Sebenarnya Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow sendiri yang menyempurnakan acara pelancaran ladang pintar ini di sini pada Ogos 2020.

"Ladang pintar ini adalah milik penuh Jubli Rebak Baru Sdn. Bhd..

"Sejak mula beroperasi di sini, ladang pintar ini adalah secara automasi dan berperingkat-peringkat (yang mana) tiada racun kimia digunakan di sini.

"Ladang pintar itu telah mengguna pakai pelbagai teknologi canggih termasuk data raya, kecerdasan buatan (AI) dan internet benda (IoT) untuk mengoptimumkan benda untuk mengoptimumkan hasil penanaman vanila.

"Kalau dilihat struktur ladang pintar ini, ada kolam buatan yang menakung air hujan secara semula jadi bagi memenuhi keperluan perladangan vanila dan (perladangan) sifar bahan kimia.

"Inovasi yang telah dilakukan membolehkan ladang mengurangkan secara ketara tempoh penanaman (hingga waktu tuaian hasil) vanila daripada empat hingga lima tahun biasa, kepada dua setengah tahun sahaja," jelasnya.

Selain menumpukan kepada aspek perladangan dan menghasilkan produk berasaskan vanila, Joseph memberitahu bahawa *Kairos Agriculture* turut berkolaborasi dari segi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan universiti awam serta universiti swasta.

"Di sini juga ada sistem pintar bagi mengawal persekitaran ladang (iaitu sistem pintar) dalam mengawal kelembapan, suhu dan pencahayaan dalam rumah hijau kita.

"Hasil R&D yang dilakukan, kandungan vanila yang dihasilkan melalui sistem perladangan pintar *Kairos Agriculture*, dari segi kandungan vanila adalah lebih berkualiti (kandungan vanila) dan kuantiti berbanding yang dihasilkan di luar sana.

"Walaupun penuaian pertama ladang tahun lepas adalah sederhana, *Kairos Agriculture* dijangka menghasilkan tuaian penuh sehingga 3.5 tan pada penghujung 2027, tanaman vanila yang ada akan matang secara berperingkat kelak," ujarnya.

Bercerita lanjut, Joseph memberitahu sekali lagi bahawa vanila adalah salah satu perisa paling popular dan mahal.

Malah, menurut beliau lagi, *Kairos Agriculture* berpendapat pelaburan modal dalam perladangan vanila secara sistem pintar adalah berbaloi kerana sehingga kini ia menawarkan tawaran harga yang begitu kompetitif.

"Vanila adalah salah satu perisa yang paling popular serta mahal.

"Setiap kilogram vanila boleh berharga antara RM800 dan RM1,200.

"Kami *(Kairos Agriculture)* bekerjasama dengan syarikat tempatan untuk mempromosikan serta menjual produk kami.

"Kepelbagaian vanila terbukti dalam penggunaannya yang meluas sebagai perasa dalam makanan serta minuman, daripada aiskrim hingga kopi, dan dalam pelbagai aplikasi memasak serta membakar.

"Menyedari perkara ini, kami telah menggunakan ekstrak vanila untuk menghasilkan pelbagai produk seperti kopi, aiskrim, minyak urut, pemanis, ubat nyamuk, serbuk, pensanitasi tangan, minyak pati minyak wangi dan lain-lain.

"Setakat ini, produk berasaskan vanila ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai," ulasnya lanjut.

Mengakhiri bicara, Joseph menyatakan bahawa ketika ini *Kairos Agriculture* setapak lagi mara ke hadapan dengan menyediakan perkhidmatan pelancongan pertanian di sini.

"Kini, ladang vanila juga telah menjadi destinasi popular bagi penggemar pertanian dan (penggemar) vanila.

"Pengunjung boleh cuba pelbagai produk berperisa vanila di kafe di lokasi, mengikuti lawatan pertanian untuk mengetahui lebih lanjut tentang amalan ladang, membeli barangan serta produk vanila.

"Lawatan pertanian dan pendidikan juga disediakan di ladang," kongsinya.

Memandang ke hadapan, Joseph berkongsi rancangan untuk membuka kedai aiskrim bertemakan vanila di Pulau Pinang menjelang akhir tahun dengan menawarkan pengalaman rasa yang unik.

Melihat ke hadapan lagi, Joseph memberitahu bahawa *Kairos Agriculture turut* menyasarkan untuk mengembangkan operasi perladangannya ke Kuala Lumpur dan Selangor melalui kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Corp. di Taman Ekspo Agro Malaysia (MAEPS).




VANILA yang ditanam di *Kairos Agriculture*.

## SIMP, 680 nelayan terima bayaran penuh *ex-gratia*

**BAYAN LEPAS -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan RM10,079,390 bayaran *ex-gratia* kepada para nelayan berdaftar Skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) bagi projek *Silicon Island* di sini setakat ini.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Azrul Mahathir Aziz yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas berkata, daripada 877 nelayan yang berdaftar, seramai 680 daripada mereka telah menerima bayaran penuh mengikut kelayakan tahap serta kategori masing-masing.

"Sebagai makluman, jumlah tersebut turut termasuk 133 nelayan yang terlepas daripada senarai asal Jabatan Perikanan, tetapi telah diluluskan setelah rayuan dikemukakan.

"Sehubungan itu, proses pembayaran masih lagi diteruskan untuk baki nelayan yang sedang mengemas kini dokumen sokongan mereka," ujarnya semasa merasmikan Mesyuarat Tahunan Kedua Koperasi Komuniti Pulau Pinang Selatan Berhad (KKPPSB) dekat sini 3 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation (PIC) Sdn. Bhd., Dato' Seri Farizan Darus; Pengarah Komunikasi Strategik dan Pengurusan Pihak Berkepentingan Silicon Island Development Sdn. Bhd., Azmi Mohamad dan wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pulau Pinang, Mohamed Fahrurazi Mohamed Nor.

Mengulas lanjut, Azrul Mahathir memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga memberi bantuan pendidikan dan latihan untuk anak-anak nelayan melalui skim SIMP.

"Seramai 62 anak nelayan telah menyertai Program Jaya Didik dengan kerjasama pusat-pusat tuisyen, antaranya termasuk Program Jaya Didik (Subsidi Tuisyen), Program Intensif (Hibrid Pendidikan) dan Program Hadiah Kemasukan dan Kecemerlangan.

"Selain itu, sebanyak 50 hadiah kemasukan ke institusi pengajian tinggi (IPT) dan hadiah kecemerlangan telah dianugerahkan kepada anak-anak nelayan yang melanjutkan pelajaran serta cemerlang dalam pelajaran.

"Justeru, adalah menjadi harapan saya agar inisiatif yang diperkenalkan dapat membantu anggota-anggota koperasi untuk terus berkembang maju, meningkatkan kemahiran dan memanfaatkan peluang-peluang baru yang muncul dalam sektor ekonomi kian mencabar kini," katanya.

